



IKLAN JAWATAN KOSONG

Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) merupakan sebuah agensi Badan Berkanun Negeri Kelantan mempelawa daripada **warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur tidak kurang dari 18 tahun** pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan-jawatan seperti berikut:-

JAWATAN 1

Fail Rujukan : YKD.4/5/27/(21)

JAWATAN	:	PENOLONG PEGAWAI TADBIR (TEKNOLOGI MAKLUMAT)	
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PENTADBIRAN DAN SOKONGAN	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA	
TARAF JAWATAN	:	TETAP	
GRED JAWATAN / GAJI	:	N29	
		<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>
		1,493.00	5,672.00

1. SYARAT LANTIKAN

- (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00);atau
- (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00);atau
- (iii) Sijil dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,493.00);atau
- (iv) Diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N29 : RM1,770.95)

(Keutamaan akan diberi kepada calon yang mempunyai Diploma dalam bidang sains komputer, teknologi maklumat atau kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan)

2. SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT PENINGKATAN
SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap jari dan pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun;

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun;

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab membangun program baharu untuk sesuatu sistem gunaan komputer, memperkembangkan sistem komputer yang sedia ada bagi memenuhi keperluan semasa, penyelenggaraan sistem dan memberikan latihan serta bantuan teknikal kepada pihak pengguna.

JAWATAN 2

Fail Rujukan : YKD.4/5/27/(22)

JAWATAN : PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI)
(PEMBANTU SETIAUSAHA PEJABAT)

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PENTADBIRAN DAN SOKONGAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
TARAF JAWATAN : TETAP
GRED JAWATAN / GAJI : N19

<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>
1,352.00	4,003.00

1. SYARAT LANTIKAN

- (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,352.00);atau
- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,408.40);atau
- (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji Permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,464.80);atau

(Keutamaan diberi kepada calon yang berkebolehan mengendalikan komputer, kepujian dalam subjek Matematik, Perdagangan atau Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut)

2. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) had umur pelantikan:

- (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun;
- (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun;
- (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

4. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab untuk memastikan urusan harian berjalan lancar dan memberi perkhidmatan kesetiausahaan seperti menaip, menyediakan surat-menyurat, laporan dan pengurusan fail. Di samping itu, semua keperluan rasmi dikendalikan secara cekap dan berkualiti tinggi serta mengawal selia jadual kerja supaya teratur.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN

Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

LATIHAN

Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

- (a) memenuhi tempoh percubaan;
- (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan ; dan
- (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

CARA MEMOHON

1. Permohonan jawatan ini hendaklah dibuat dengan menggunakan **BORANG PERMOHONAN UNTUK JAWATAN KOSONG** yang boleh didapati di pejabat ini secara **PERCUMA**.
2. **Permohonan daripada Pegawai-pegawai kerajaan** yang sedang berkhidmat hendaklah **melalui Ketua Jabatan masing-masing** mengikut Perintah Am Bab A21, 1973 dan dihantar bersama-sama dengan **Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi untuk 3 tahun terakhir** yang telah disahkan. Borang permohonan yang dikemukakan tanpa Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang kemaskini dan Laporan Nilai Prestasi akan ditolak.
3. Semua salinan sebagaimana di bawah hendaklah disertakan dan disahkan.
 - (i) Satu keping gambar berukuran pasport
 - (ii) Salinan Kad Pengenalan
 - (iii) Salinan Surat Beranak
 - (iv) Salinan Ijazah, Diploma dan Sijil-Sijil Persekolahan atau Dokumen/Testimonial yang berkaitan.
4. Permohonan yang lewat atau tidak menurut peraturan di atas tidak akan dilayan.
5. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
6. Permohonan yang tidak menerima apa-apa jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup permohonan hendaklah dianggap permohonannya **TIDAK BERJAYA**.
7. Sila hantar permohonan anda ke alamat berikut:-

**PENGARAH
YAYASAN KELANTAN DARULNAIM (YAKIN)
TINGKAT 5, KOMPLEKS YAKIN
JALAN GAJAH MATI
15000 KOTA BHARU, KELANTAN**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dihantar : **SEBELUM ATAU PADA 28 FEBRUARI 2023 (SELASA),
JAM 12.00 TENGAHARI.**

Saya yang menjalankan amanah,


SHAMSUL BIN ABU BAKAR
PENGARAH ✓
YAYASAN KELANTAN DARULNAIM (YAKIN)

BERTARIKH **8 1 JAN 2023**